

## Mualaf lega akhirnya flat ibu angkat dapat diwarisi

Muis sahkan hibah ruqbah mengenai pemindahan flat kepada anak angkat yang dibuat pemilik sebelum meninggal dunia

Oleh

SAINI SALLEH

Berita Harian

2 Mar 2013

Singapura



SELEPAS terkatung-katung selama setahun, Cik Nur Aniza Abdullah kini boleh menarik nafas lega kerana akhirnya beliau dapat mewarisi flat tiga bilik di Bukit Batok peninggalan ibu angkatnya.

Meskipun berstatus anak angkat, hibah ruqbah yang dibuat ibu angkatnya ketika masih hidup itu membolehkan Cik Aniza memiliki flat tersebut - tempat beliau dibesarkan dan menjaga ibu angkatnya yang sakit melarat sehingga menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Berita gembira yang menyebabkan beliau amat bersyukur itu diterimanya tiga minggu lalu apabila Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mengesahkan bahawa dokumen hibah ruqbah yang dibuat ibu angkatnya, Allahyarhamha Fatimah Ismail, mengenai pemindahan pemilikan flat tersebut kepada Cik Aniza, adalah sah.

Cik Aniza, 44 tahun, mualaf yang nama asalnya Christina De Silva, berkata:

"Mulanya saya kurang yakin dapat mewarisi flat ibu angkat saya itu kerana Mahkamah Syariah sebelum ini mengeluarkan sijil warisan yang menetapkan 100 peratus aset peninggalannya diserahkan kepada baitulmal kerana status saya hanyalah sebagai anak angkat.

"Saya juga tertanya-tanya mengapa hibah ruqbah yang dibuat ibu angkat saya itu tidak diiktiraf.

"Semakin lama saya semakin bimbang kehilangan flat yang saya tinggal sejak kecil dan tidak tahu di mana saya hendak tinggal nanti.

"Tetapi, selepas puas berurusan dan merayu bagi mempertahankan hak saya menerusi surat-menyurat kepada Mahkamah Rendah, Mahkamah Syariah, Muis dan HDB (Lembaga Perumahan dan Pembangunan), dokumen hibah ruqbah itu akhirnya diiktiraf," kata Cik Aniza, janda tanpa anak ketika menyingkap usaha beliau bagi memindah milik flat tersebut sejak Februari tahun lalu.

Allahyarhamha Fatimah, seorang mualaf keturunan Cina, tidak mempunyai anak kandung hasil pernikahan dengan suaminya, juga mualaf keturunan Sri Lanka, dalam 1960-an.

Beliau, yang sakit sejak 2010, meninggal dunia pada Julai 2011 pada usia 72 tahun.

Suami Allahyarhamha, mendiang De Silva, meninggal dunia pada 1991 selepas kembali semula kepada agama asalnya, Kristian.

Dokumen berupa surat-surat wasiat dan hibah ruqbah itu telah ditandatangani oleh Allahyarhamha Fatimah, Cik Aniza, seorang peguam dan dua saksi pada Disember 2010.

Kesemua dokumen itu disiapkan oleh pemilik dan perunding HTHT Advisory Services Pte Ltd, Encik Sadali Rasban, yang juga merupakan salah seorang saksi ketika dokumen-dokumen tersebut ditandatangani.

Surat-surat itu, antara lain, menyebut bahawa Allahyarhamha Fatimah mahu menghadiahkan flatnya kepada Cik Aniza semasa beliau masih hidup dan urusan tukar milik akan berlaku setelah beliau meninggal dunia.

Menyusuli pemergian Allahyarhamha, Cik Aniza kembali menghubungi Encik Sadali bagi melaksanakan hibah ruqbah itu.

Cik Aniza, seorang guru tadika, merancang memindahkan pemilikan flat yang mempunyai nilai sentimental tersebut kepada namanya tidak lama lagi.